

Artikel

Pendekatan Minat Kepada Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (*Approach of Interest to Students in The Teaching and Learning of Islamic Education*)

Ahmad Jafri Bahar* & Fariza Md. Sham

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi, Selangor

Pengarang Koresponden: jafribahar@yahoo.com

Abstrak: Pelajar hari ini mengikuti pengajaran dan pembelajaran setiap hari persekolahan sama ada akademik atau pendidikan Islam. Matlamat pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam adalah untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara. Oleh itu, keberkesanan pendidikan Islam menjadi fokus utama ketika guru mengajar di sekolah. Menimbulkan minat pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam adalah menjadi tanggungjawab guru pendidikan Islam untuk memastikan pelajar dapat menguasai mata-pelajaran pendidikan Islam sehingga dapat membentuk diri sendiri menjadi individu yang berguna dan mentaati perintah Allah. Justeru kepentingan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam akan dikaji dalam kajian ini. Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif, menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui dokumen primer dan dokumen sekunder bagi mengkaji konsep minat dari perspektif Islam, hubungannya serta aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam pelajar. Hasil kajian mendapati, elemen pendekatan minat sesuai untuk dimasukkan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Perbincangan ini memberi implikasi bahawa pendekatan minat mampu menjadi pendekatan alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang mengandungi nilai bersesuaian dengan diri pelajar.

Kata kunci: pelajar, pendidikan Islam, keberkesanan, minat, pendekatan

Abstract: Students today follow the teaching and learning of every school day whether academic or Islamic Education. The goal of teaching and learning Islamic education is to impart knowledge, skills and appreciation of Islam based on the Quran and sunnah to form attitudes, skills, personality and outlook on life as a servant of God who has a responsibility to develop themselves, society, environment and country. Therefore, the effectiveness of Islamic education becomes the main focus when teachers teach in schools. To arouse students' interest in the subject of Islamic education is the responsibility of Islamic education teachers to ensure that students can master the subject of Islamic education so that they can form themselves into useful individuals and obey the commandments of God. Therefore, the importance of students' interest in the teaching and learning of Islamic education will be studied in this study. The method used in this study is qualitative, using a document analysis approach through primary documents and secondary documents to study the concept of

interest from an Islamic perspective, its relationship and application in the teaching and learning of Islamic education of students. The results of the study found that the elements of the interest approach are suitable to be included in the teaching and learning of Islamic education. This discussion implies that the interest approach can be an alternative approach in the teaching and learning process of Islamic education that contains values appropriate to the students themselves.

Keywords: students, islamic education, effectiveness, interest, approach

Pengenalan

Dalam memupuk kecenderungan kepada pelajar supaya mendekati pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berbagai pendekatan boleh dilakukan, antaranya ialah dengan menggunakan pendekatan minat. Minat adalah suatu keinginan dan kemahuan seseorang untuk mencapai sesuatu perkara dan diiringi dengan semangat serta motivasi. Tanpa minat sesuatu pekerjaan tidak mencapai tahap cemerlang yang diinginkan oleh seseorang. Menurut Djali (2008) minat pada dasarnya merupakan penerimaan akan sesuatu hubungan antara diri sendiri dengan sesuatu di luar diri. Minat sangat besar pangaruhnya dalam mencapai prestasi dalam suatu pekerjaan atau jabatan. Tidak akan mungkin orang yang tidak berminat terhadap suatu pekerjaan dapat menyelesaikan pekerjaan tersebut dengan baik. Manakala minat juga diertikan sebagai rasa senang atau tidak senang dalam menghadapi suatu objek (Mohamad Surya 2003). Minat merupakan suatu perkara yang amat penting kerana boleh menimbulkan perubahan sikap, pembentukan persepsi serta lahir penghayatan yang mendalam terhadap pelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan minat yang boleh diaplikasi kepada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

Dalam konteks pelajar, minat akan menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh. Menurut Atan (1988) mengatakan bahawa minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang supaya memberi perhatian kepada seseorang, sesuatu kegiatan atau sesuatu benda. Tegasnya lagi, minat juga merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Oleh itu, faktor minat yang timbul terhadap sesuatu matapelajaran akan mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh dan cuba sedaya upaya untuk menggunakan pengetahuan yang sedia ada.

Kajian lepas oleh Abdul Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong (2016) menyatakan bahawa minat dikatakan sebagai motivasi kepada mereka yang inginkan kejayaan. Kajian ini telah dilakukan oleh ke atas pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia juga mendapati bahawa minat pelajar terhadap matapelajaran Bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka. Kajian tersebut dilakukan terhadap 130 orang pelajar yang mengambil pengkhususan B.A Bahasa Arab di IPTA seperti UPM, UIAM, UKM, UM dan USIM. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab, tetapi mereka tidak menunjukkan keselarian antara sikap dan minat.

Keberkesanan pembelajaran pelajar di dalam kelas juga bergantung kepada minat dan kaedah pengajaran yang menarik. Noraini (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat murid ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Minat amat penting kerana dari situ akan timbul perubahan sikap, pembentukan persepsi serta lahir penghayatan yang mendalam terhadap pelajaran.

Kajian Lepas

Dalam membincangkan mengenai Pendekatan Minat Kepada Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam, maklumat- maklumat adalah diperolehi melalui kajian-kajian yang terdahulu dan informasi-informasi yang berbentuk soal selidik, pandangan guru pendidikan Islam serta pengalaman penulisan sendiri. Rujukan melalui kajian-kajian yang terdahulu adalah daripada kajian tempatan.

Di antara pengkajian yang lalu adalah seperti kajian tentang “Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan” oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2020). Dalam kajian ini, membincangkan transformasi pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi multimedia bagi memastikannya menjadi agenda utama dalam pendidikan Islam. Hasil kajian memberikan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari pendidikan Islam dengan lebih komprehensif. Hasil kajian diharapkan guru juga dapat menjadi peneraju perubahan, pemikir holistik serta pemangkin kepada kejayaan sistem pendidikan negara ini selain dapat memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar supaya penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dapat ditingkatkan.

Begitu juga dengan kajian tentang “Konsep Lima Mim: Persepsi Pelajar Terhadap Guru Inovatif Pendidikan Islam” oleh Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak dan Mohd Isa Hamzah (2021). Dalam kajian ini digunakan konsep lima mim untuk menilai persepsi pelajar terhadap guru inovatif pendidikan Islam. Seramai 284 pelajar terlibat sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan konstruk muaddib mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding mim yang lain dan merupakan satu-satunya konstruk yang berada pada tahap sangat tinggi. Manakala konstruk mudarris pula mempunyai nilai min yang paling rendah, namun masih berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada para guru khususnya Guru Pendidikan Islam yang minat berinovasi untuk menyeimbangkan kualiti dan peranan sebagai mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim agar berjaya menterjemahkannya ke dalam amalan pengajaran.

Seterusnya kajian tentang “Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia” oleh Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar (2021). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pendidikan Islam dari sudut falsafah Pendidikan, mengenalpasti pendekatan amalan pendidikan secara amnya di era pandemik dan mengenalpasti pendekatan amalan pengajaran Pendidikan Islam di era pandemik Covid-19 di Malaysia. Hasil kajian mendapati cabaran pandemic memberi implikasi terhadap guru terutama guru pendidikan Islam dalam mengharungi PDPR sebagaimana dirancang serta sentiasa bersedia meningkatkan kemahiran teknologi dalam pengajaran secara kreatif dan inovatif.

Begitu juga dengan kajian tentang “Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Belajar Mahasiswa di Masa Pandemi pada mata kuliah penulisan karya ilmiah di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara” oleh Silvia Febrianti, Hani Nursafwa, Bustanul Arifin, Isra Hayati dan Zailani (2021). Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis faktor- faktor yang mempengaruhi minat belajar mahasiswa pada mata kuliah penulisan karya ilmiah di masa pandemik. Hasil kajian adalah berdasarkan hasil wawancara dan observasi yang dilakukan terhadap 8 mahasiswa, terdapat dua orang yang minat belajarnya stabil, sedangkan enam lainnya minat belajarnya menurun. Adapun faktor- faktor yang mempengaruhi minat belajar mahasiswa ialah jaringan internet, media dan sumber belajar, komunikasi dan persekitaran.

Seterusnya kajian tentang “Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam” oleh Nik Shahrul Nizan Mohamed, Noor Fadhlina Nawawi, Ajmain@Jimain Safar dan Kamarul Azmi Jasmi (2014). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar yang

mengikuti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian berdasarkan data deskriptif menunjukkan tahap motivasi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.66.

Hasil daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa guru dapat menjadi peneraju perubahan dalam membimbing pelajar supaya penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dapat ditingkatkan. Begitu juga dengan konsep “Lima Mim” yang dapat memberikan panduan kepada para guru khususnya guru pendidikan Islam yang minat berinovasi untuk menyeimbangkan kualiti dan peranan sebagai mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim agar berjaya menterjemahkannya ke dalam amalan pengajaran. Sesungguhnya cabaran pandemik Covid-19 di Malaysia memberi implikasi terhadap guru terutama guru pendidikan Islam dalam mengharungi PDPR dan faktor- faktor yang dapat mempengaruhi minat belajar mahasiswa ialah jaringan internet, media dan sumber belajar, komunikasi dan persekitaran serta kesedaran motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam menunjukkan tahap motivasi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.66

Metodologi Kajian

Kajian ini berbetuk kajian kepustakaan sepenuhnya kerana segala maklumat dan data hanya diperolehi dari perpustakaan di samping laman sesawang internet bagi mengkaji konsep minat dari perspektif Islam, hubungannya serta aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam pelajar. Data-data berkaitan konsep minat dikumpul melalui buku sarjana dalam bidang pendidikan. Rujukan terhadap tokoh dan ulama silam bertujuan mengenal pasti keaslian pemikiran dalam kefahaman berkaitan konsep minat. Manakala karya tokoh dan ulama terkemudian bagi memperoleh keputusan berautoriti sekiranya berlaku perbezaan pandangan. Secara umumnya, bahan-bahan perpustakaan adalah rujukan asas yang digunakan dalam kajian ini. Antara tokoh sarjana dalam pendidikan yang tersohor yang menjadi rujukan adalah seperti Prof. Dr. H. Abuddin Nata, M.A, karyanya yang bertajuk “Pendidikan dalam Perspektif Al-Quran”. Begitu juga dengan tokoh pendidikan Prof. Dr. Hasan Langgulung yang mengarang buku bertajuk “Manusia Dan Pendidikan suatu analisa psikologi, filsafat dan pendidikan” yang menjadi rujukan masa kini. Seterusnya buku “Pengantar Pendidikan Teori, Konsep dan Aplikasi” karangan oleh Dr Abdul Rahmat.

Di antara metode kajian yang dijalankan oleh penulis ialah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya juga bahan-bahan elektronik seperti filem, drama, rancangan radio, tv, cd dan papan iklan. Ia juga digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang ada dalam media berkenaan. Analisis kandungan boleh digunakan dalam pelbagai bidang ilmu seperti politik, sosial, pengurusan, pendidikan dan pengajian Islam.

Analisis kandungan merangkumi aktiviti berikut:

- Membaca, meneliti, memilih, dan menyaring teks yang dikenal pasti sebagai bahan atau data penyelidikan.
- Teks termasuklah dokumen, buku, surat, elektronik mel, video, cd, foto dan catatan atau diari.
- Kandungan teks pelbagai, misalnya kata, frasa, ayat, imej, warna, aksi, dialog, bunyi, dan setiap yang tersurat dan tersirat.
- Analisis adalah secara sistematik, teratur dan bersandarkan suatu kerangka teori, konsep atau model (<http://www.esasterawan.net/esasterawan/> 6.3.2010).

Sorotan Literatur

Bahagian ini membincangkan pendefinisian konsep terhadap penelitian literatur yang dilakukan. Konsep yang dimaksudkan tersebut termasuklah pengertian minat, pengaruh minat, minat dan hubungannya dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pendidikan Islam, pengaruh guru dalam minat pelajar, memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan islam melalui pendekatan minat dan kepentingan mata pelajaran pendidikan Islam.

1. Pengertian Minat

Beberapa kajian terdahulu mendefinisikan perkataan minat dengan pelbagai pengertian. Menurut Siti Hanim Ramli (2006) minat akan mendorong jiwa bergerak secara aktif untuk menerima sesuatu dari luar. Perhatian secara tetap (*persistent attention*) akan berlaku apabila lahir perasaan minat. Yahya Abdullah (2003) dalam penulisannya membawakan definisi oleh Crow dan Crow (1983), Seogarda (1981) dan Strong (1964) iaitu minat adalah kecenderungan, kesukaan, kesediaan jiwa terhadap sesuatu yang berkait rapat dengan pengetahuan serta usaha yang dilakukan untuk mendapatkan sesuatu kemahiran tersebut. Berdasarkan definisi berikut dapat difahami wujudnya minat dapat memotivasikan seseorang pelajar untuk terlibat secara terus mengikuti pembelajaran dan pengajaran pendidikan Islam di dalam dan di luar bilik darjah.

Zaini Hussein (2003), telah menyatakan minat ialah sebagai memahami apa-apa yang dilakukan mempunyai skil, berupaya bekerja sendiri dan dalam kumpulan, berkebolehan merekacipta dan berkeyakinan menyelesaikan masalah. Manakala menurut Razman Kamaruddin (2004), ukuran pencapaian peperiksaan boleh digunakan untuk melihat tahap minat seseorang murid. Namun, minat yang sedia ada dalam diri seseorang murid tidak semestinya kekal selama-lamanya kerana minat boleh berubah. Bloom, Krathwohl dan Masia (1964), Mohd. Zainuddin Hashim menerangkan minat adalah kesedaran terhadap kewujudan sesuatu fenomena, bersedia memberikan perhatian dan seterusnya menikmati fenomena secara keseluruhan. Gerak balas terhadap fenomena itu adalah secara paling positif.

Menurut Kamus Dewan (1996), minat merujuk kepada keinginan, kesukaan atau kecenderungan terhadap sesuatu.

Firman Allah:

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا

(Al-Quran, al-Israk 17-84)

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri; maka Tuhan kamu lebih mengetahui siapakah (di antara kamu) yang lebih betul jalannya”.

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap individu dan setiap kelompok itu bertindak dan bekerja mengikut cara dan arah tujuan masing-masing dan hanya terserah kepada Allah sahaja menilaikan arah-arah tujuan dan amalan-amalan yang dilakukan mereka (Sayyid Qutb 2001).

Dengan minat, seseorang akan termotivasi untuk mempelajari sesuatu yang ia minati. Minat seseorang terhadap sesuatu dapat mempengaruhi bakat yang dimiliki orang tersebut. Jika seseorang memiliki minat dan mempunyai bakat maka bakat orang tersebut akan berkembang dengan baik. Sebaliknya, bakat seseorang tidak berkembang dengan baik jika orang tersebut tidak mempunyai minat pada bidang yang berkaitan dengan bakatnya.

2. Pengaruh Minat

Tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ditentukan dengan pelbagai cara, antaranya ialah pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran yang tertentu. Ini dijelaskan oleh Quek (2006) dengan menyatakan bahawa minat mempunyai pengaruh yang positif kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik. Ini dapat dilihat daripada kesungguhan dan usaha yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari mata pelajaran matematik tersebut. Pelajar yang mempunyai minat yang tinggi akan sentiasa berusaha dan rajin meningkatkan diri. Dengan erti kata yang lain, kepuasan mereka akan hanya dapat dicapai apabila mereka mempelajari mata pelajaran matematik dan memahaminya.

Manakala menurut Omardin (1996), minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada pelajar untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Begitu juga dengan Ismail (1992) menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong seseorang pelajar meneroka dengan lebih jauh.

Minat dan sikap merupakan perkara penting untuk mempengaruhi kesediaan belajar. Ini dijelaskan oleh Lee (1991) pula mendapati bahawa minat dan sikap memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesediaan belajar dan pencapaian pelajar. Ini adalah kerana pelajar akan berminat dalam perkara yang dipelajarinya akan mencapai prestasi yang cemerlang.

Abu Bakar (1994) pula menyatakan seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi. Oleh itu minat perlu ditanamkan dalam diri pelajar. Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibubapa, guru, dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran.

Crow dan Crow (1983) pula secara jelas menggambarkan bahawa minat yang wujud dalam diri pelajar akan dapat mengekalkan pelajar untuk terus berfikir dalam bidang tersebut sehingga berupaya menguasai pelajaran tersebut. Manakala pencapaian yang cemerlang secara tidak langsung akan mengekalkan minat pelajar dalam mata pelajaran yang diambil. Ini bermakna minat merupakan salah satu daya penggerak kepada menjamin kejayaan seseorang pelajar dalam pelajarannya. Justeru keupayaan guru menimbulkan minat dalam diri pelajar akan menjamin keberkesanan pembelajaran dan meningkatkan pencapaian (Abu Zahari 1988).

3. Minat dan Hubungannya dengan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam

Apabila hendak memupuk minat pelajar kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, guru pendidikan Islam perlu bersiap sedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut perkembangan semasa dan terkini. Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi (2010), mengatakan guru-guru Pendidikan Islam perlu bersiap sedia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan ciri-ciri kurikulum Pendidikan Islam. Aspek pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam juga perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa dan terkini. Oleh itu, peranan tersebut terpikul oleh semua guru pendidikan Islam untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah. Di peringkat sekolah menengah, tidak ada perubahan dalam peruntukan waktu yang diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam teras iaitu enam waktu di tahap menengah rendah dan empat waktu di peringkat menengah atas. Tambahan waktu tersebut perlu digunakan untuk amali solat, tazkirah dan juga aktiviti-aktiviti yang boleh mengukuhkan pengajaran pendidikan Islam.

Minat juga ada hubungan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk mengajar sesuatu tajuk agar memberi kesan kepada pelajar. Menurut Azman Wan Chik (1987), strategi

pengajaran pembelajaran adalah merujuk kepada penggunaan kaedah dan teknik yang digunakan untuk mengajar tajuk berkenaan termasuklah aktiviti pemulihan, pengayaan, dan aktiviti penilaian serta aktiviti pembelajaran murid. Guru perlu mencatatkan strategi dan kemahiran belajar oleh murid dalam pembelajaran mereka. Di samping itu, teknik dan strategi sangat penting dalam pemilihan sesuatu tajuk. Guru hendaklah mengajar menggunakan kaedah atau teknik yang berlandaskan pendekatan yang memberi kesan kepada pelajar. Pengajaran dan pembelajaran dan keberkesanan sesuatu teknik bergantung kepada asas-asas perkaedahan dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai.

Hubungan guru dengan murid bukanlah terjalin dalam sekelip mata. Hubungan ini memerlukan usaha daripada kedua-dua belah pihak. Ini disebut sebagai interaktif guru dengan murid. Hubungan guru dengan murid akan terjalin dengan baik apabila murid-murid berasa gembira dan seronok menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hubungan guru dengan murid juga memberikan impak kepada perjalanan rutin di dalam bilik darjah. Guru yang berjaya membina komunikasi yang baik dengan murid dapat mengatur rutin dan peraturan di dalam bilik darjah dengan lebih telus dan berkesan. Sehubungan itu, Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri (2007) berpendapat proses pengajaran dan pembelajaran itu akan menarik jika terdapat pengajaran dan pembelajaran interaktif di dalam bilik darjah. Pengajaran dan pembelajaran interaktif antara guru dengan murid adalah dengan membina hubungan yang baik dengan murid secara berterusan. Matlamat guru ketika mengajar tidak akan tercapai sekiranya guru mengajar sambil lewa, tidak professional, suara yang perlahan, serta tidak mampu melaksanakan tugasnya sebagai *role-model*. Sehubungan dengan itu, pendekatan dan gaya pengajaran guru mempunyai implikasi yang sangat besar terhadap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu kemahiran dan kemampuan guru untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan dan menarik adalah aspek yang perlu diberi perhatian.

Oleh itu, semasa proses pengajaran dan pembelajaran, setiap pendidik digalakkan mempraktikkan kaedah interaksi dua hala di antara guru dengan pelajar kerana kaedah ini memberi kesan yang positif dan memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada para pelajar berbanding kaedah satu hala semata-mata. Guru seharusnya menggunakan kaedah ini sehingga para pelajar boleh memahami kandungan pelajaran dan boleh mengemukakan persoalan-persoalan yang menambahkan lagi keyakinan ilmu dalam kalangan pelajar (Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi 2010).

Guru juga perlu berminat untuk menguasai ilmu bagi mendapat bahan pengajaran untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran. Ini disebut sebagai interaktif guru dengan bahan pengajaran. Seterusnya Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) menjelaskan guru perlu menguasai ilmu kerana dengan ilmu yang luas dan mendalam sahaja mereka dapat menghuraikan sesuatu topik pengajaran dengan baik dan mantap. Dengan bukti dan huraian yang kukuh, guru dapat menarik perhatian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dan pelajar dapat memahami kebenaran ajaran Islam itu sendiri. Selain itu, untuk menjadikan pendidikan Islam menarik dan relevan kepada pelajar, guru boleh mengaitkan apa yang dipelajari dengan realiti dan isu semasa yang berlaku. Pendidikan Islam perlu diajar berasaskan realiti semasa dengan guru dapat menghubungkan pengajaran dan pembelajaran dengan masalah kehidupan seharian pelajar.

Pendidikan Islam adalah amali dan bukannya berbentuk teori semata-mata. Pengajaran akan lebih menarik jika mampu menghuraikan sesuatu perkara atau masalah yang dihadapi oleh pelajar dengan baik. Kemampuan guru untuk mengaitkan kandungan pengajaran dan pembelajaran dengan realiti sebenar pelajar menjadikan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam lebih relevan dan menarik. Di samping itu, para pelajar perlu diberi kesedaran tentang motif dan kepentingan pendidikan Islam dalam kehidupan mereka dan

seterusnya menggalakkan mereka terus belajar dan berusaha. Pelajar yang bermotivasi dengan sendirinya akan tertarik dengan pengajaran dan pembelajaran manakala untuk pelajar yang tidak bermotivasi, guru perlu bermotivasi untuk menarik pelajar kepada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

4. Pengaruh Guru dalam Minat Pelajar

Guru memainkan peranan penting untuk menarik minat pelajar. Tugas guru adalah memudahkan pembelajaran pelajar dan guru perlu bijaksana dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di sekolah. Menurut Widad (1998), guru yang bijaksana akan menjalankan proses pengajaran sesuatu yang bermanfaat dan boleh mencerahkan masa depan pelajar dengan peluang yang ada. Pengajaran guru dalam hal ini adalah sebagai pembimbing atau model serta berupaya mempengaruhi sikap pelajar terhadap pencapaian akademik mereka.

Pengaruh guru khasnya guru pendidikan Islam dalam menarik minat pelajar kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu mata pelajaran. Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) menjelaskan guru adalah unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan. Keperibadian dan amalan pengajaran guru mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar. Pada usia muda ini mereka akan melihat dan mengikuti segala tingkah laku, pergerakan dan perkataan guru. Pelajar akan lebih kuat terpengaruh dengan sikap dan penampilan guru berbanding dengan orang lain. Apatah lagi masa pelajar banyak dihabiskan dengan guru. Oleh itu, guru sewajarnya memperbaiki diri terlebih dahulu sebelum memperbaiki pelajarannya. Manakala menurut Gamal (2003), al-Qobisi berpendapat guru perlu berusaha meletakkan diri mereka pada kedudukan yang lebih baik dan terhormat dalam kalangan pelajar bagi menimbulkan rasa hormat mereka terhadapnya dalam suasana yang penuh kasih sayang. Untuk mengukuhkan sistem persekolahan, guru perlu membentuk suatu suasana pendidikan yang harmoni dengan bersikap pengasih dan tidak bersifat keras sehingga pelajar mengelakkan diri daripada mereka. Walau bagaimanapun sekiranya suasana ini melebihi batasan sehingga pelajar menunjukkan sifat angkuh dan kelihatan malas serta tidak mengambil peduli. Sekiranya guru bersikap keras dan bermasam muka sudah pasti pelajar akan mengelakkan diri daripada mereka.

5. Memupuk Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Minat

Semua orang berperanan untuk memupuk pelajar untuk meminati pelajaran pendidikan Islam sama ada guru, ibubapa, keluarga dan masyarakat. Nor Hafizah, Asnuurien Najma (2007) menjelaskan bahawa guru pendidikan Islam juga haruslah sedar bahawa untuk menanam dan memupuk minat pelajar terhadap pendidikan Islam, mereka perlu menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran yang berkesan serta mempelbagaikan kaedah yang menarik. Pandangan negatif terhadap mata pelajaran pendidikan Islam seterusnya akan memberi persepsi terhadap pendekatan dan pengajaran guru. Ini kerana, jika seseorang pelajar tidak berminat terhadap sesuatu mata pelajaran, tentunya pelajar akan kurang memberikan komitmen terhadap pelajaran tersebut dan sekaligus pengajaran guru.

Konsep pendidikan menurut Al-Ghazali menyatakan bahawa jika anak menerima ajaran dan kebiasaan hidup yang baik, maka anak itu akan menjadi baik. Sebaliknya jika anak itu dibiasakan melakukan perbuatan buruk dan dibiasakan kepada hal-hal yang jahat, maka anak itu akan berakhlak yang tidak baik. Al-Ghazali juga menerangkan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah taala, bukan untuk mencari kedudukan yang menghasilkan wang kerana jika tujuan pendidikan diarahkan bukan

pada mendekati diri pada Allah taala, akan dapat menimbulkan kedengkian, kebencian dan permusuhan (Nata & Abuddin 1997)

Untuk memupuk minat pelajar kepada mata pelajaran pendidikan Islam, perlu di jelaskan faktor- faktor pelajar tidak tersebut tidak berminat. Menurut Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim (2012) menyatakan terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan para pelajar tidak atau kurang berminat mengikuti pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam iaitu pengaruh ibu bapa, pengaruh guru pendidikan Islam dan kurikulum pendidikan Islam itu sendiri. Malah dalam dapatan kajian yang mereka lakukan menunjukkan guru pendidikan Islam (GPI) adalah kunci utama penyebab kepada permasalahan ini.

Faktor ibubapa dalam pendidikan amat penting kepada pelajar. Untuk mendidik seorang anak, Hasan (1981) tidak menafikan bahawa tanggungjawab untuk mencorak potensi semula jadi yang wujud sejak anak-anak dilahirkan adalah dipikul oleh kedua ibu dan bapa mereka, iaitu penjaga mereka.

Dalam menegaskan hal ini beliau telah mengemukakan sebuah hadis Sabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya:

Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.

(Hadis riwayat Bukhari :1385)

Manakala faktor guru pendidikan Islam merupakan yang amat mencabar kerana mereka bertanggung jawab merealisasikan kehendak dan matlamat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dalam Islam tugas pendidik umumnya adalah untuk mendidik, iaitu berusaha mengembangkan seluruh potensi murid sama ada potensi psikomotor, kognitif atau afektif. Masyarakat umum pada hari ini melihat institusi pendidikan seperti sekolah sebagai satu institusi untuk melahirkan manusia yang ‘lengkap’ dengan penguasaan terhadap seluruh potensi tanpa menghiraukan betapa peranan masyarakat itu sendiri amat diperlukan (Ab. Halim Tamuri et. al, 2010). Masyarakat kini lebih suka berlepas tangan daripada bersama memikul tugas mendidik dan mudah mencari pihak yang harus dipersalahkan andai berlaku kegagalan.

Guru merupakan paksi utama dalam sistem pendidikan, tanpa guru pelajar tidak dapat menguasai ilmu dengan cemerlang. Menurut Al- Muhammadi (1991) menegaskan guru sebagai seorang pendidik harus bersikap zuhud dalam menyampaikan ilmu kepada anak didiknya iaitu tidak mengharap balasan kebendaan atau penghormatan masyarakat sebaliknya hanya mengharap keredaan Allah taala semata-mata. Menurutny lagi seorang guru akan berjaya melaksanakan tugasnya apabila memiliki rasa tanggung jawab dan kasih sayang terhadap muridnya sebagaimana kasih seorang bapa terhadap anaknya sendiri.

Seterusnya faktor kurikulum pendidikan Islam itu sendiri. Dalam hal ini, Ab. Halim Tamuri (2011) menjelaskan isu pertindihan kurikulum pendidikan bukanlah satu isu baru. Umumnya kandungan yang terdapat dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Pendidikan Islam Negeri adalah hampir sama dalam beberapa tajuk khususnya ibadah dan aqidah. Bagi bidang Tafsir, Hadis dan al-Quran wujud perbezaan daripada ayat-ayat hadis yang dipilih. Aspek yang jelas membezakan antara kedua-dua kurikulum ini ialah bahasa penghantar yang berbeza iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Isu ini perlu dikaji secara mendalam kerana memberi implikasi yang besar terhadap pelaksanaan kedua-dua kurikulum

tersebut. Begitu juga dengan ketidakselarasan kurikulum pendidikan Islam peringkat negeri yang akhirnya membawa kepada sistem peperiksaan yang berbeza di peringkat negeri seperti Peperiksaan Menengah Agama (PMRU) di negeri Kelantan dan Sekolah Menengah Agama (SMA) di negeri Selangor.

Selain itu di antara perkara yang paling penting di dalam pembentukan setiap kurikulum tidak terkecuali kurikulum pendidikan Islam ialah penyusunannya. Namun untuk penyusunan yang rapi dan berkesan, kerjasama antara pihak sekolah dan pihak penggubal kurikulum amat penting. Penyusunan tersebut hendaklah menitikberatkan kesesuaiannya mengikut kemampuan pelajar. Penyusunan kurikulum yang tepat akan membawa manusia semakin hampir kepada Allah. Seterusnya akan melahirkan generasi ‘para sahabat’ yang intelek, berilmu, beriman dan beramal. Kurikulum baru yang lebih berkesinambungan dari peringkat rendah hinggalah peringkat menengah berterusan ke peringkat universiti sesuai dengan kehendak dan keperluan negara.

Abdul Rahman Salih (1982) menyatakan keberkesanan sesuatu metod dan kaedah dalam pengajaran bergantung kepada isi kandungan kurikulum di mana ia tidak dapat dipelajari dengan berkesan melainkan ia dirancang dan disusun dengan cara yang betul dan sempurna. (Ab. Halim Tamuri 2007, Rosnani 1998 & Mohd Arif 1998) pula berpandangan meskipun banyak perubahan dilakukan terhadap kurikulum pendidikan Islam, namun ia masih gagal dalam pembangunan ummah secara bersepadu. Peningkatan perlakuan tidak bermoral yang melibatkan pelajar-pelajar Islam menjadi tanda bahawa kurikulum pendidikan Islam masih memerlukan banyak perubahan dan penambahbaikan (Zaiton Mustafa et. al 2012). Hakikatnya banyak pihak yang terlibat dan menyumbang ke arah sifar perlakuan tidak bermoral di kalangan pelajar ini iaitu ibu bapa, guru dan pendidik serta kurikulum yang terkini dan bersesuaian. Keyakinan perubahan akan tetap berlaku andai semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan efektif.

6. Kepentingan Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Kepentingan mata pelajaran pendidikan Islam kepada pelajar Islam tidak dapat dinafikan lagi dalam usaha untuk menjadikan mereka manusia yang berakhlak mulia dan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Untuk menjadikan mata pelajaran ini diminati oleh pelajar, maka beberapa kaedah dan cadangan boleh diketengahkan agar matlamat ini tercapai.

Seorang guru Pendidikan Islam itu perlulah memastikan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang akan disampaikan distrukturkan secara sistematik supaya pelajar mudah mempelajarinya dan agar pengajaran lebih teratur dan tersusun. Ini dinyatakan oleh Jantan (2016) bahawa pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang dinamik dan sistematik mampu mengembangkan pembudayaan saintifik, pengetahuan baru, pencetusan idea kreatif dan inovatif, pembangunan potensi manusia yang lebih mampan serta penyebaran maklumat.

Begitu juga dengan penggunaan BBM adalah amat penting dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana, dengan adanya alat bantu mengajar, pelajar akan mudah memahami dan lebih berminat untuk mempelajari sesuatu pelajaran itu. Sekiranya guru hanya menggunakan kaedah kuliah (penceritaan) dan perbincangan aktiviti kumpulan sahaja dalam kelas sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran, ini menimbulkan kebosanan dan kurang minat pelajar untuk mempelajari mata pelajaran ini. Ini dijelaskan oleh Hamdan & Mohd Yasin (2010) yang menyatakan bahawa guru sewajarnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan mendidik pelajar dengan sebaik-baiknya supaya pelajar dapat menguasai pembelajaran yang diajar oleh guru. Oleh itu, penggunaan BBM adalah amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi pelajar. Justeru itu, guru-guru harus memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi melaksanakan

pengajaran abad ke 21 seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian serta menyahut hasrat negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Seterusnya sebagai seorang guru Pendidikan Islam khususnya, perlulah mengamalkan proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan selari dengan gaya pembelajaran seorang pelajar dan menggunakan kecerdasan pelbagai pelajarnya. Ini kerana, setiap pelajar mempunyai kebolehan dan tahap kecerdasan dan kognitif yang berbeza antara satu sama lain.

Guru juga perlu bijak menarik minat pelajar untuk membentuk satu persepsi positif dan suasana pembelajaran yang menyeronokkan terhadap mata pelajaran ini dengan menyelitkan unsur-unsur jenaka kerana jenaka atau kecindan yang diamalkan oleh guru akan dapat membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan boleh membantu mengurangkan tekanan dan kerunsingan dalam kalangan pelajar semasa di dalam bilik darjah.

Cadangan yang berikutnya untuk menjadikan mata pelajaran pendidikan Islam diminati pelajar ialah dengan mengajar mengikut aras kebolehan pelajar, menggunakan kelas tepat pada waktunya dan juga memberikan masa secukupnya kepada pelajar untuk menyiapkan tugas dan latihan di kelas.

Seorang guru juga perlulah memberikan motivasi dan galakan kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan akademik dan akhlak. Perlu menasihatkan dan memasukkan unsur tarbiah dalam diri pelajar, tidak hanya setakat mengajar untuk menghabiskan sukatan pelajaran sahaja tetapi di samping mengajar, perlulah mendidik akhlak pelajar agar mereka mengenali Allah.

Tidak ketinggalan cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia agar menjadikan mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran yang wajib pelajar-pelajar Islam mencapai kredit dalam SPM untuk memasuki IPTA atau IPTS sebagaimana mata pelajaran teras lain iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah (Nor Hafizah & Asnuurien Najma 2007).

Perbincangan

1. Bahan-Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang akan Disampaikan Distrukturkan Secara Sistemik Supaya Pelajar Mudah Mempelajarinya

Pada hari ini teknologi akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik dan berkesan di dalam kelas. Walaupun begitu setiap guru perlu belajar menguasai teknologi seperti menggunakan powerpoint, flash, video, visual dan lain-lain. Pelajar akan didedahkan dengan gambaran dan persembahan menarik serta mudah untuk di fahami. Justeru pelajar tidak akan mudah merasa jemu dan bosan dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran kerana tertarik dengan gaya persembahan yang ditunjukkan melalui ICT.

Dalam mengaplikasi IT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam, Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007) menjelaskan bahawa perkembangan pesat dalam bidang pendidikan hari ini menuntut semua pendidik, khususnya di sekolah memainkan peranan dan mengambil langkah yang praktikal bagi memastikan kecemerlangan dalam Pendidikan serta melahirkan para pelajar yang berkualiti. Dalam konteks pendidikan Islam, masyarakat secara umumnya melihat seolah-olah wujud kepincangan dari segi penghayatan ajaran Islam di kalangan remaja. Namun harus difahami bahawa tugas membimbing dan membentuk pelajar ataupun remaja bukanlah menjadi tugas dan tanggungjawab guru pendidikan Islam sahaja bahkan melibatkan seluruh anggota dalam masyarakat kerana cabaran yang dihadapi oleh remaja hari ini sangat kritikal dan begitu kompleks.

Manakala menurut Kamarulzaman dan rakan (2002), guru agama perlu menjadikan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran yang menarik dan diminati pelajar. Mereka perlu memperbanyakkan alat bantu mengajar bagi menarik minat pelajar mengikuti mata pelajaran tersebut. Selain itu guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Seajar dengan itu mereka hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan memperbaharunya sepanjang masa kerana bidang ilmu ini sentiasa berkembang luas.

2. Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Sesuai dan Selari dengan Gaya Pembelajaran Seorang Pelajar dan Menggunakan Kecerdasan Pelbagai Pelajar

Berbagai teknik, kaedah dan aktiviti dapat dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ahmad Mohd Salleh (1997) menyatakan bahawa teknik bersoal jawab adalah satu cara yang paling popular yang digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran di sekolah. Teknik ini dilakukan dengan guru mengemukakan soalan dan para pelajar menjawab soalan dengan sewajarnya.

Sebagai seorang guru perlu merangsangkan pemikiran pelajar agar mereka memberi tumpuan ketika belajar. Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) berpandangan teknik soal jawab ini juga berperanan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang diikuti. Teknik juga amat berkesan untuk mendorong pelajar untuk memikirkan sesuatu yang kreatif dan inovatif hasil daripada pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah.

Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai ini juga, guru-guru boleh melaksanakan PdP interaktif seperti interaktif antara guru dengan murid, guru dengan bahan pengajaran, murid dengan bahan pengajaran dan murid dengan murid. Dengan tidak menafikan kepentingan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) dalam Pendidikan berbanding dengan kaedah tradisional, penggunaan peralatan yang terkini dan canggih tidak dapat mencapai matlamatnya jika guru yang menggunakan PBK masih mengajar sambil lewa, tidak professional, suara yang perlahan, serta tidak mampu untuk melaksanakan tugasnya sebagai role-model. PBK hanya akan dapat menarik para pelajar dan berkesan jika guru tersebut juga mempunyai ciri guru yang berkesan.

Kesimpulan

Dalam kajian ini didapati melalui konsep minat dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam akan memberi pengaruh yang positif kepada pencapaian pelajar dalam setiap mata pelajaran. Ini dapat dilihat daripada kesungguhan dan usaha yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari mata pelajaran tersebut. Minat amat penting kerana dari sana akan timbul perubahan sikap, pembentukan persepsi serta lahir penghayatan yang mendalam terhadap pelajaran. Guru pendidikan Islam perlu bersiap sedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut perkembangan semasa dan terkini. Guru sewajarnya memperbaiki diri terlebih dahulu sebelum memperbaiki pelajarannya. Sebagai seorang guru pendidikan Islam khususnya, perlulah mengamalkan proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan selari dengan gaya pembelajaran seorang pelajar dan menggunakan kecerdasan pelbagai pelajarannya. Guru pendidikan Islam juga perlulah memberikan motivasi dan galakan kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan akademik dan akhlak.

Implikasi dalam menjadikan pendekatan minat kepada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam bergantung kepada intelektual dan kreatif yang tinggi di kalangan guru kerana guru merupakan paksi utama dalam sistem pendidikan, tanpa guru pelajar tidak dapat menguasai ilmu dengan cemerlang.

Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang berkesan banyak berkait rapat dengan diri guru. Guru yang cemerlang akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Justeru, tumpuan terhadap pembangunan guru pendidikan Islam itu sendiri adalah penting untuk menghasilkan seorang insan pendidik yang mempunyai peranan dan ciri pendidik yang berkesan.

Pendekatan minat dalam matapelajaran pendidikan Islam perlu diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana minat mempunyai pengaruh yang positif kepada pencapaian pelajar dalam setiap mata pelajaran kerana minat juga ada hubungan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk mengajar sesuatu tajuk agar memberi kesan kepada pelajar dari segi pencapaian pelajaran dan penerapan akhlak terpuji, tingkahlaku yang dituntut oleh agama Islam.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan makalah ini.

Rujukan

- Abdul Rahmat. (2014). *Pengantar Pendidikan Teori, Konsep dan Aplikasi*. Medan: Ideas Publishing.
- Ab. Halim Tamuri. (2003). *Fungsi Surau dan Keberkesanannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. (2010). *Kaedah Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong. (2016). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Pelajar Bachelor Bahasa Arab Di IPTA Malaysia*.
- Abdul Munir Bin Ismail & Saharizah binti Mohamad Salleh. (2018). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif (2018) Jil. 10 Bil. 2* (11-21). <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=4652>
- Abu Bakar Nordin. (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Abu Bakar, Zainudin and Kamaruddin, Meor Ibrahim, Tan & May Yang. (2010). *Pengaruh Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Pelajar*. UTM: Project Report. RMC.
- Abu Zahari Abu Bakar. (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Atan Long. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azri Kifli, Jahidih Saili & Azmil Hashim. (2020). Pengaruh Faktor Minat, Motivasi Persekitaran sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar dalam Bidang Qiraat. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah 6 (2),2020* 24-33, eISSN: 2600-769X <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/46333>
- Bloom, B. S., Krathwohl D. R., & Masia, B. B. (1988). *Taxonomy of Educational Objectives Book 2: Affective Domain*. Terj. Mohd. Zainuddin Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. (Original work published 1964).
- Crow dan Crow. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Abuddin Nata, M.A. (2016). *Pendidikan dalam Perspektif Al-Quran*. Perpustakaan Nasional.

- Hamdan, A.R. & Mohd Yasin, H. (2010). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) di Kalangan Guru-Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasan Langgulung. (1995). *Manusia dan Pendidikan Suatu Analisa Psikologi, Filsafat dan pendidikan*. Jakarta : Al Husna Zikra.
- Ismail Reduan. (1992). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik di Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Akademik*.
- Normah Binti Jantan. (2016). *Penerapan Budaya Kreatif dan Inovatif di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melalui Perkaya Inovasi*. Jabatan Kejuruteraan Elektrik: Politeknik Merlimau.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarulzaman Abd Ghani, Khadijah Abd Razak & Mohd Amin Embi. (2002). *Prosiding Kebangsaan Profession Perguruan*. Bangi: Fakulti Pendidikan.
- Kamus Dewan. Edisi ketiga. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. Edisi keempat. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Shok Mee. (1991). *Asas Pendidikan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh & Zunidar. (2021). Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia. 75-91. *eISSN: 2600-769X*
<http://sites.google.com/moe.edu.my/login/login>
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam. *Journal of ICT in Education/Vol.7/* 14-26.
<https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.2.2020>
- Nata & Abuddin. (2005). *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Nik Shahrul Nizan Mohamed, Noor Fadhlina Nawawi, Ajmain@Jimain Safar & Kamarul Azmi Jasmi. (2014). *Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi.
- Nor Hafizah & Asnuurien Najma. (2007). *Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Kajian di Dua Buah Sekolah Daerah Hulu Selangor*. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan: UPSI.
- Noraini Omar. (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak*.
<https://core.ac.uk/outputs/12007690>
- Omardin Ashaari. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Al-Anwar*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) *Volume 1(1), Jun 2016*. <http://ejitu.uitm.edu.my>
- Quek Miow Leng. (2006). *Pengaruh Rakan Sebaya dengan Pencapaian Matematik di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Batu Pahat*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Razman Kamarudin. (2004). *Sikap Murid Terhadap Guru dan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Sayyid Qutb. (2001). *Tafsir Fizikal Al-Quran*. Jilid 2. Jakarta: Gema Insani.

- Silvia Febrianti, Hani Nursafwa, Bustanul Arifin, Isra Hayati & Zailani. (2021). Analisis Faktor- Faktor yang Mempengaruhi Minat Belajar Mahasiswa di Masa Pandemi. *Jurnal Pendidikan Islam: Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara*. <https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. (2021). Konsep Lima Mim: Persepsi Pelajar Terhadap Guru Inovatif Pendidikan Islam 59-71. [http://journal.ump.edu. my/ijhtc](http://journal.ump.edu.my/ijhtc)
- Zaini Hussein. (2003). *Minat: Bagaimana Menyadari dan Mengembangkannya*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim. (2012) Factors Affecting Students Interest in Learning Islamic Education. *Vol 3: No 13*. <http://www.iiste.org/Journals/>